

18 NOV 2003

Rafidah-analisis

WANITA UMNO JALANKAN ANALISIS DI BEBERAPA KAWASAN PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno kini sedang membuat analisis keatas setiap kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di mana berlakunya undi rosak yang jauh lebih besar daripada margin kemenangan atau kekalahan pada pilihan raya umum yang lepas untuk disampaikan kepada Majlis Tertinggi Umno.

Ketuanya, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata sebagaimana pilihan raya yang lepas, laporan kajian yang diterimanya itu akan diserahkan kepada Majlis Tertinggi parti dan laporan akhir akan diserahkan kepada Perdana Menteri untuk memberikan gambaran mengenai kedudukan sebenar parti.

Beliau berkata rumusan kajian tersebut sebelum ini mendapati sekiranya BN mahu mengekalkan kemenangannya di kawasan-kawasan yang mempunyai harapan untuk terus ditakluki, kunci kemenangan itu adalah supaya ahli-ahli kekal patuh kepada disiplin parti.

"Ertinya siapa juga yang dipilih oleh pucuk pimpinan parti (untuk bertanding) kita terima dengan hati terbuka, sungguhpun orang itu bukan calon pilihan yang diharapkan. Tetapi kerana dia membawa mandat BN, maka adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menyokong penuh kepada beliau sama ada dari ahli Umno atau parti komponen BN yang lain," katanya.

Rafidah yang juga adalah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata demikian pada sidang media selepas menyampaikan sumbangan Hari Raya kepada anak-anak yatim dan ibu tunggal yang disumbangkan oleh Pergerakan Wanita Umno Bahagian Seputeh dan Metrojaya Berhad bertempat di Mid Valley Megamall di sini.

Majlis itu turut dihadiri oleh Ketua Pergerakan Wanita Umno Bahagian Seputeh Datuk Azizah Abd Samad dan Pengerusi Metrojaya Berhad, Datuk Ahmad Khairummuzammil Mohd Yusoff.

Ditanya mengenai keyakinannya untuk BN menawan semula Kelantan dan Terengganu, Rafidah berkata: "Kita tidak mahu meramal peluang-peluang, bagi kami peluang sebanyak itu hanya akan cerah jika kita berusaha dengan teliti dan berstrategi dan kalau perpaduan di kalangan Umno itu kukuh."

Sementara itu, semasa dirujuk mengenai keyakinan PAS untuk menawan Kedah setelah bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad tidak lagi bertanding di negeri itu, Rafidah berkata ia hanya mimpi di siang hari semata-mata.

"Ini impian di siang hari Pas, sebenarnya mereka ini angkuh dan takbur dan kononnya kita menang pilihan raya hanya semata-mata kerana Dr Mahathir, padahal beliau sendiri pernah menyatakan bahawa yang memenangkan Barisan Nasional (BN) ialah parti, ahli-ahli parti dan anggota masyarakat yang menaruh harapan dan kepercayaan kepada BN selama ini," katanya.

Minggu lepas, Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dipetik sebagai berkata bahawa PAS yakin untuk menawan lebih banyak negeri yang tidak pernah ditembusinya dan antara negeri-negeri yang mempunyai potensi untuk ditawan ialah Perlis, Kedah, Pahang dan Selangor.

-- BERNAMA

SNS AZH